

**Kertas Bil. 30/2022**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-  
PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM  
PEMBASMIAN KEMISKINAN (HASIL LAWATAN KE  
DAERAH SABAK BERNAM) DI NEGERI SELANGOR**

---

## KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Taklimat Bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) Di Daerah Sabak Bernam	2
4	Sesi Perbincangan Jawatankuasa Bersama Penghulu / Ketua Kampung Daerah Sabak Bernam Berkaitan Isu-Isu Kemiskinan Di Daerah Sabak Bernam	3
5	Penemuan Jawatankuasa	5
6	Saranan Jawatankuasa	6
7	Perakuan	7
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	8
	Urus setia	8
	Lampiran I (Senarai Wakil Agensi / Individu Yang Terlibat)	9
	Lampiran 2 (Slaid LZS)	11

# **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI PELAKSANAAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN (HASIL LAWATAN KE DAERAH SABAK BERNAM) DI NEGERI SELANGOR.**

---

## **1. PENDAHULUAN**

Penyata ini dibentangkan adalah bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berkaitan kriteria penerima bantuan dan pembentukan dasar/polisi berkenaan pemberian bantuan kepada golongan berpendapatan rendah di Negeri Selangor. Selain itu, JPK-Pembasmian Kemiskinan berharap agar kerajaan negeri dapat menetapkan hala tuju yang lebih jelas mengenai perkara tersebut. Berikut adalah isu-isu yang ingin diketengahkan oleh Jawatankuasa untuk perhatian pihak Kerajaan Negeri:

- a. Pengesahan pendapatan bulanan pemohon program yang khusus untuk golongan yang berpendapatan di bawah PGK.
- b. Mekanisma untuk menilai dan mengenalpasti perubahan sikap serta menjelaki kemajuan penerima bantuan.
- c. Dasar pemberian bantuan kepada golongan miskin yang mampu bekerja dan meningkatkan pendapatan dengan mengubah sistem kebajikan (*welfare program*) kepada sistem “upah-kerja” (*workfare program*).

## **2. LATAR BELAKANG**

2.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 5 kali iaitu pada 28 September 2021 (Bil. 3/2021), 21 Januari 2022 (Bil. 1/2022), 25 Mei 2022 (Bil. 8/2022), 15 Jun 2022 (Bil. 9/2022) dan 27 Jun 2022 (Bil. 10/2022). Berikut adalah agensi/individu yang telah mengemukakan maklum balas dan yang telah dijemput ke mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan (**Lampiran 1**):-

- 2.1.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- 2.1.2 Lembaga Zakat Selangor (LZS)
- 2.1.3 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDT Sabak Bernam)
- 2.1.4 Ketua-ketua Kampung Daerah Sabak Bernam (Ketua Kampung)

**3. TAKLIMAT BERSAMA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) DAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS) DI DAERAH SABAK BERNAM**

3.1 Jawatankuasa mengambil maklum maklumat-maklumat berikut hasil daripada perbincangan bersama pihak JKM dan LZS.

**3.1.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat**

- a. Bilangan kes yang dinyatakan di dalam Statistik penerima bantuan di Daerah Sabak Bernam adalah merupakan bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) yang menerima bantuan.
- b. Secara umum, setiap KIR hanya layak menerima satu sahaja bantuan JKM dan permohonan bantuan melebihi satu adalah bergantung kepada situasi dan keperluan isi rumah.
- c. Penerima bantuan am tidak semestinya terdiri daripada KIR yang berumur melebihi 60 tahun.
- d. Bagi penilaian bantuan warga emas yang berumur melebihi 60 tahun adalah terdiri orang tua yang tinggal bersendirian dan tidak mempunyai anak atau tidak menerima bantuan daripada anak.

**3.1.2 Lembaga Zakat Selangor**

- a. Jawatankuasa mengambil maklum data penerima zakat di Daerah Sabak adalah kedua terendah di Selangor kerana kriteria kelayakan adalah berdasarkan kiraan had kifayah.
- b. Wanita merupakan penerima dominan bantuan zakat di daerah Sabak Bernam terdiri daripada balu, janda, ibu tunggal dan ibu tinggal. Kini, LZS telah mewujudkan amil daripada kalangan wanita.
- c. LZS telah menambah baik pelaksanaan program bantuan dengan mengadakan program pembangunan kerjaya dimana golongan asnaf ditanggung sepenuhnya semasa proses mencari kerja dan melaksanakan program pembangunan mentaliti dan modal insan.

3.2 Jawatankuasa mengambil maklum secara umumnya, tidak akan ada pertindihan bantuan diantara penerima bantuan LZS dan JKM.

3.3 Jawatankuasa mendapati berdasarkan keseluruhan data yang dibekalkan oleh JKM dan LZS, anggaran keseluruhan KIR yang menerima bantuan JKM dan LZS adalah lebih kurang 7,000 KIR (**Lampiran 2**).

3.3.1 Daripada keseluruhan 7,000 KIR yang menerima bantuan, lebih kurang 4,500 KIR adalah yang mampu bekerja dan meningkatkan pendapatan manakala lebih kurang 2,500 tidak mampu bekerja dan bergantung kepada bantuan daripada kerajaan.

**4. SESI PERBINCANGAN JAWATANKUASA BERSAMA PENGHULU/KETUA KAMPUNG DAERAH SABAK BERNAM BERKAITAN ISU-ISU KEMISKINAN DI DAERAH SABAK BERNAM.**

4.1 Jawatankuasa telah memohon pandangan dan pendapat ahli-ahli mesyuarat berkenaan golongan penerima bantuan yang mampu bekerja dan meningkatkan pendapatan dan usaha-usaha yang boleh diambil untuk membantu golongan tersebut. Berikut adalah antara pandangan dan pendapat ahli-ahli mesyuarat:-

4.1.1 Wakil daripada PDT Sabak Bernam (Unit Pembasmian Kemiskinan) telah menerangkan situasi insiden kemiskinan di Sabak Bernam dari aspek sosio-ekonomi dan demografi di Sabak Bernam seperti berikut:-

- a. Data penerima eKasih di Sabak Bernam adalah 2,829 KIR manakala jumlah keluarga miskin adalah 2,613 isi rumah yang melibatkan lebih kurang 10 hingga 11 ribu individu di Sabak Bernam.
- b. Data penerima eKasih di Sabak Bernam adalah kurang tepat berbanding data eKasih di daerah lain kerana kebanyakan pemohon eKasih tidak mempunyai Slip pendapatan bulanan dan pengesahan pendapatan adalah daripada ketua-ketua kampung dan sebagainya.
- c. Dari aspek demografi, kebanyakan penduduk Sabak Bernam terdiri daripada golongan usia emas yang tinggal berpasangan atau bersendirian dimana ada diantaranya merupakan bekas pekerja kerajaan dan mempunyai pencen. Kebanyakan mereka jatuh sakit setelah pencen.
- d. Situasi insiden kemiskinan di Sabak Bernam berbeza dengan situasi kemiskinan di kawasan bandar kerana di Sabak Bernam, orang-orang miskin tidak mengalami masalah kelaparan disebabkan tiada bekalan makanan, kerana budaya kehidupan di luar bandar yang saling berkongsi makanan.
- e. Jawatankuasa mengambil maklum KIR adalah individu utama di dalam keluarga yang bekerja dan menanggung keperluan isi rumah, tidak semestinya seorang suami

kerana terdapat kes dimana isteri menjadi KIR berikutan suaminya terlibat dengan gejala dadah.

4.1.2 Ahli-ahli mesyuarat bersetuju masalah utama dalam golongan miskin yang tidak bekerja untuk meningkatkan tahap pendapatan adalah masalah sikap dan mentaliti kerana pelbagai peluang pekerjaan dan program peningkatan kemahiran telah diadakan dan mencukupi.

- a. Perkongsian daripada wakil LZS berkaitan sikap sebahagian penerima bantuan program pembangunan kerjaya dimana kenderaan dan kos perbelanjaan disediakan untuk mereka mengikuti temuduga dengan majikan-majikan yang disediakan namun tidak mendapat sambutan.
- b. Hasil perkongsian ahli-ahli mesyuarat juga mendapat terdapat pemikiran dalam kalangan penerima bantuan yang merasakan lebih baik hidup dalam kemiskinan kerana sentiasa menerima bantuan daripada kerajaan.
- c. Terdapat juga kes dimana penerima bantuan menjual peralatan perniagaan (pertanian/perikanan) yang diberikan oleh kerajaan secara percuma.
- d. Kebanyakan peserta yang menyertai program bimbingan bagi meningkatkan pendapatan dan menambah baik perniagaan gagal untuk mengekalkan pencapaian yang bagus setelah tempoh bimbingan berakhir.
- e. Terdapat juga ahli mesyuarat yang mengatakan ada diantara golongan tersebut yang terlalu memilih pekerjaan dan tidak berminat untuk melakukan pekerjaan berkaitan pertanian yang merupakan salah satu sektor ekonomi utama di daerah Sabak Bernam.

4.1.3 Ahli-ahli mesyuarat juga berpendapat perlu penambahbaikan dalam menetapkan kaedah dan mekanisma pemberian bantuan kepada golongan tersebut kerana masalah-masalah seperti berikut:-

- a. Ada yang berpendapat penglibatan agensi-agensi yang berlainan dalam memberi bantuan kepada golongan miskin menyebabkan kesukaran dalam mengawal jumlah dan tempoh pemberian bantuan.
- b. Ada juga kes dimana pemberian bantuan kepada KIR yang layak tidak sampai kepada ahli isi rumah.

- 4.1.4 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan dan cadangan ahli-ahli mesyuarat berkaitan usaha-usaha yang boleh diambil untuk membantu menambah baik taraf hidup dan sikap golongan penerima bantuan yang mampu bekerja dan meningkatkan pendapatan.
- a. Merekod pencapaian peserta program kemahiran dengan mengukur pendapatan peserta selepas penyertaan.
  - b. Mewujudkan satu platform khas untuk menyelaraskan data-data penerima bantuan dari pelbagai agensi.
  - c. Menghadkan pemberian bantuan dengan menetapkan tempoh dan jumlah pemberian bantuan bulanan.
  - d. Menggalakkan kemasukan ke kolej komuniti dan memperluas jenis kursus kemahiran.
  - e. Mengadakan forum dan program-program yang meningkatkan kesedaran masyarakat.
  - f. Menambahbaik kaedah penyampaian bantuan agar lebih bersasar.
  - g. Melaksanakan projek perintis pembasmian kemiskinan di salah satu kampung untuk dijadikan contoh di kampung-kampung lain.
  - h. Melaksanakan program khusus selepas alam persekolahan kepada golongan yang tidak menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
  - i. Mewujudkan *platform* di peringkat daerah untuk padanan kerja dengan melibatkan ketua-ketua masyarakat, majikan-majikan tempatan, dan golongan pencari kerja.
  - j. Ahli-ahli mesyuarat bersetuju pemberian bantuan kepada golongan tersebut perlu bersyarat seperti meminta mereka untuk melakukan pekerjaan tertentu sebelum bantuan diberikan.
  - k. Menghapus budaya pemberian wang kepada masyarakat untuk mendapat sokongan politik.
  - l. Mengubah Dasar Pendidikan Negara bagi memperluaskan aspek vokasional.

## 5. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 5.1 Jawatankuasa mendapati terdapat isu pengesahan pendapatan susulan kenyataan wakil daripada PD/T Sabak Bernam berkenaan data penerima eKasih di Sabak Bernam yang kurang tepat berbanding data eKasih di daerah lain kerana kebanyakan pemohon eKasih tidak mempunyai slip pendapatan bulanan dan pengesahan pendapatan adalah daripada ketua-ketua kampung dan sebagainya. Proses

pengesahan pendapatan tersebut hampir tidak pernah ditolak berdasarkan kenyataan ketua-ketua kampung yang hadir semasa sesi mesyuarat. Oleh itu Jawatankuasa berpandangan prosedur pengesahan pendapatan oleh Ketua Kampung atau ADN adalah tidak efektif.

- 5.2 Daripada keseluruhan 7,000 KIR yang menerima bantuan, lebih kurang 4,500 KIR adalah yang mampu bekerja dan meningkatkan pendapatan manakala lebih kurang 2,500 tidak mampu bekerja dan bergantung kepada bantuan daripada kerajaan.
- 5.3 Jawatankuasa mendapati antara faktor utama usaha pembasmian kemiskinan tidak berjaya dilaksanakan terutama kepada golongan miskin yang mampu bekerja dan meningkatkan tahap pendapatan adalah kerana masalah sikap dan mentaliti dan kenyataan ini disokong oleh semua ahli mesyuarat yang hadir semasa sesi perbincangan. Golongan ini lebih selesa berada dalam kepompong kemiskinan kerana mendapat duit mudah tanpa perlu bekerja.
- 5.4 Jawatankuasa juga mendapati terdapat kes di mana bantuan yang diberikan kepada golongan miskin yang mampu bekerja dan meningkatkan tahap pendapatan tidak digunakan dengan sebaiknya untuk membantu mereka keluar daripada kemiskinan.

## 6. SARANAN JAWATANKUASA

- 6.1 Jawatankuasa menyarankan agar kerajaan tidak lagi menggunakan pengesahan gaji melalui Ahli Parlimen, ADUN, Ketua Kampung dan mana-mana lagi lantikan politik. Pengesahan pendapatan seharusnya dilaksanakan oleh pegawai agensi yang diberi latihan dan mempunyai kepakaran untuk menyiasat pendapatan sebenar seseorang pemohon.
  - 6.1.1 Pengesahan pendapatan oleh pegawai bertauliah ini seharusnya dikongsi bersama agensi lain melalui eKasih atau SSIPR untuk mengelak dua agensi membuat pertindihan kerja.
- 6.2 Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan mengambil kira faktor sikap penerima bantuan dalam membuat dasar berkaitan pembasmian kemiskinan. Tidak cukup untuk Kerajaan menghulurkan bantuan tunai dan barang, tetapi harus melaksanakan program menangani sikap negatif penerima bantuan-bantuan serta mewujudkan mekanisma untuk mengenalpasti perubahan sikap dan menjelaki serta memantau kemajuan penerima bantuan pembasmian kemiskinan.
- 6.3 Jawatankuasa mencadangkan agar Kerajaan menetapkan syarat tempoh masa (*exit policy*) bagi pemberian bantuan khusus kepada golongan miskin yang mampu bekerja dan meningkatkan pendapatan serta memberi penerangan kepada mereka bahawa tujuan utama

- pemberian bantuan tersebut adalah untuk mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan.
- 6.4 Jawatankuasa juga menyarankan agar halatuju Kerajaan dalam membasmi kemiskinan tidak semata-mata dalam kerangka sistem kebajikan (*welfare system*) terutama kepada golongan miskin yang mampu bekerja dan meningkatkan pendapatan.
- 6.4.1 Kerajaan boleh melaksanakan dasar sistem "upah-kerja" (*workfare system*) dimana penerima haruslah bekerja atau melaksanakan perkhidmatan yang ditetapkan oleh kerajaan terlebih dahulu sebelum menerima bantuan.
- 6.4.2 Contoh "*workfare*" yang boleh dilaksanakan adalah bekerja di tempat cuci kereta, kerja dengan kontraktor pembersihan KDEB, restoran-restoran dan sebagainya.

## 7. PERAKUAN

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi/individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan dalam mesyuarat Jawatankuasa Bil.10/2022 bertarikh 27 Jun 2022.

Disahkan oleh:

.....  
**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas  
Pembasmian Kemiskinan

## **AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- |    |  |           |
|----|--|-----------|
| 1) | Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran<br>(ADN Bukit Gasing)    | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin<br>(ADN Permatang)  | Ahli      |
| 3) | Y.B Tuan Chua Wei Kiat<br>(ADN Rawang)                   | Ahli      |
| 4) | Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof<br>(ADN Dusun Tua)  | Ahli      |
| 5) | Y.B. Tuan Lai Wai Chong<br>(ADN Teratai)                 | Ahli      |
| 6) | Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin<br>(ADN Sungai Panjang) | Ahli      |
| 7) | Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman<br>(ADN Sabak)        | Ahli      |

## **URUS SETIA**

- |    |  |
|----|--|
| 1) | Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar<br>Setiausaha Bahagian (Dewan)                |
| 2) | Encik Muhajirih bin Ahmad<br>Penolong Setiausaha (Dewan)                           |
| 3) | Encik Mohamad Izad Syafiq Bin Ahmad Mashudi<br>Pembantu Setiausaha Pejabat (Dewan) |
| 4) | Cik Siti Khadijah Binti Maarof<br>Penyelidik                                       |
| 5) | Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail<br>Penyelidik                            |

## LAMPIRAN 1

### SENARAI WAKIL AGENSI/INDIVIDU YANG TERLIBAT

#### **Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDT Sabak Bernam)**

- 1) Tuan Amri Bin Ismail, Pegawai Daerah Sabak Bernam
- 2) Encik Zain Azmi bin Mohd Nor, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
- 3) Pn. Christina A/P Migeemanathan, Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat)
- 4) En. Jumasri bin Jumin Penghulu Tertinggi Daerah
- 5) En. Saiful Azmi bin Abd Rahman, Penghulu Mukim Panchang Bedena
- 6) En. Mohd Ezham bin Mohd Azmi, Penghulu Mukim Sabak
- 7) En. Ishak bin Sulaiman, Penghulu Mukim Sungai Panjang
- 8) En. Muhammad bin Jamali, Penghulu Mukim BNO/Sg Air Tawar
- 9) En. Abd Latiff bin Mohd Baharuddin, Penghulu Mukim Pasir Panjang

#### **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**

- 1) Puan Wan Zubaidah binti Wan Salleh, Pegawai Pembangunan Masyarakat
- 2) En. Khairul Hisham bin Ariffin
- 3) En. Mohd Eirham bin Romsani

#### **Lembaga Zakat Selangor (LZS)**

- |                                 |           |
|---------------------------------|-----------|
| 1) En. Muhd Sallehudin Bin Azri | Wakil LZS |
| 2) En. Azizul Bin Fitri         | Wakil LZS |

#### **Ketua-ketua Kampung Daerah Sabak Bernam (Ketua Kampung)**

- 1) En. Mohamad Sedek bin Idrus, Kg Bagan Nira
- 2) En. Abdul Latif bin Zakaria, Kg Tengah
- 3) Pn Azizah binti Samin, Kg Baharu
- 4) En M. Rosly bin Mohd Shahrani, Kg Banting
- 5) Pn Sooriakantha a/p Genggarajoo, Kg Komuniti India
- 6) En. Nordin bin Salleh, Kg Panchang Bedena
- 7) En. Mohd Baharin bin Hamid, Kg Parit 1 Barat
- 8) En Zairul Hafiz bin Mohd Nor, Kg Parit 1 Timur
- 9) En Sia Chock Sung, Kg Bagan Sungai Besar
- 10) En Muhamad Firdaus bin Abdullah Nadarajoo, KKI DUN N03 Sg Besar
- 11) En Mohamad Aris bin Husin, Kg Parit 11 Barat
- 12) En Khairul Nizam bin Mohamed Jais, Kg Rancangan Tanah Belia 1
- 13) En Aidiezam bin Dollah Kosnan, Kg Rancangan Tanah Belia 2
- 14) Pn Salasiah Binti Sahat, Kg Parit 16 Binjai Jaya

- 15)Pn Nur Farehan Niza binti Osman, Kg Parit 16 Binjai Patah
- 16)En. Mohd Shah Razad bin Abd Ghani, Kg Sg Apong
- 17)En Sudarta bin Amnan, Kg Teluk Rhu
- 18)En Hafid bin Jalil, Kg Sungai Tengar Selatan
- 19)En Ng Thiam Chye, Kg Bagan Parit Baru
- 20)En David A/L Kalimuthu, Kg Komuniti Kaum India
- 21)En Rojikin bin Sarbini, Kg Parit 7 Baroh
- 22)Pn Mariani Binti Hassim, Kg Parit 8 Sg Leman
- 23)En Yusuf bin Ahmad, Kg Batu 23 Sg Nibong
- 24)En Sager A/L Velu, KKI Sekinchan
- 25)Cik Tan Zhe wei, Kg Bagan Sekinchan Site B (wakil)
- 26)En Chia Yeow Leong, Kg Sidang Bagan Sekinchan

## Lampiran 2

### 3.3 ISU-ISU KEMISKINAN DI DAERAH SABAK BERNAM



#### INFO:-

% ketua keluarga / ketua isi rumah tidak mampu bekerja (**kategori asnaf tegar / tidak produktif**) di Sabak Bernam:-

- 1) Ketua Keluarga : 1,112 KK
- 2) Tanggungan : 2,461 org
- 3) Jumlah : 3,573 org




% ketua keluarga / ketua isi rumah tidak mampu meningkatkan pendapatan, tetapi memiliki kemampuan sekiranya diberi bimbingan / latihan pekerjaan (**produktif**):-

- 1) Ketua keluarga : 2,841 KK
- 2) Tanggungan : 2,609 org
- 3) Jumlah : 5,450 org

Sumber : Sistem Agihan LZS

### TAKLIMAT KHAS LEMBAGA ZAKAT SELANGOR KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN

#### JUMLAH INDIVIDU YANG TIDAK MAMPU BEKERJA DAN JUMLAH INDIVIDU YANG MAMPU BEKERJA SEKIRANYA DIBERI BIMBINGAN / LATIHAN KEMAHIRAN MENGIKUT JENIS BANTUAN



18